

CABARAN-CABARAN DI DALAM MENSOSIALISASIKAN RUQYAH SYAR'IYYAH DI BINTULU

CHALLENGES IN SOCIALIZING RUQYAH SYAR'IYYAH IN BINTULU

Awang Mohamad Haffis
Mohamad Maulana Magiman

Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu

awangmohamadhaffis@gmail.com

ABSTRAK

Ruqyah Syar'iyyah adalah sejenis kaedah perubatan Islam yang menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran dan doa-doa ma'thur daripada hadis-hadis Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa salam. Makalah mengenai cabaran-cabaran di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyyah di Bintulu sukar diperolehi kerana belum ada pihak yang mengkaji secara serius tentang perkara tersebut. Makalah ini akan membincangkan cabaran-cabaran di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyyah di Bintulu agar hasil dapatan kajian dapat dijadikan sebagai tolak ukur bagi masyarakat terutamanya kaum muslimin dalam memaknai perubatan ruqyah yang benar-benar Syar'i sesuai dengan landasan dan prinsip Islam yang mengutamakan panduan daripada Al-Quran dan As-Sunah. Terdapat tiga fokus utama makalah ini iaitu untuk menjelaskan makna perubatan ruqyah; amalan-amalan yang salah di dalam perubatan ruqyah; dan menganalisis cabaran-cabaran di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyyah. Bagi mencapai fokus tersebut terdapat beberapa siri kerja lapangan akan dikendalikan di lokasi kajian. Kaedah kajian seperti temu bual secara individu atau berkumpulan, pemerhatian secara langsung, fotografi dan rakaman video digunakan dalam kerja lapangan. Hasilnya, penyelidikan ini dijangka akan mengenal pasti, mengklarifikasikan dan menganalisis cabaran-cabaran di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyyah di Bintulu. Kesimpulannya, teori-teori dan interpretasi baharu terhadap cabaran-cabaran di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyyah akan ditemui melalui analisis yang bakal dilakukan dalam penyelidikan ini.

Kata kunci: Ruqyah Syar'iyyah, Perubatan Islam, Kaedah Perubatan

PENDAHULUAN

Sambutan terhadap rawatan Islam ruqyah syar'iyyah di Bintulu dilihat semakin menggalakkan. Dalam tempoh yang terdekat ini, didapati bahawa pengubatan yang bertunjangkan "ruqyah" semakin berkembang dan tumbuh dengan pesat serta mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat. Situasi ini meletakkan pusat rawatan ruqyah syar'iyyah semakin diterima sebagai medium untuk rawatan penyakit selain peranan hospital atau klinik kesihatan. Namun, disebalik penerimaan yang baik daripada masyarakat ada persoalan yang perlu diperhatikan iaitu sejauh manakah pemahaman masyarakat mengenai hakikat sebenar perubatan ruqyah syar'iyyah.

Pada masa kini, muncul berbagai individu mahupun kumpulan yang mendakwa diri sebagai pengamal perubatan ruqyah syar'iyah. Namun, dakwaan itu kurang tepat kerana di dalam kaedah perubatan mereka terdapat banyak percanggahan yang mirip kepada perubatan bomoh dan sihir. Oleh sebab itu, isu utama dalam rawatan ruqyah adalah dari sisi sudut kesahihan dan keharusan sesebuah kaedah rawatan yang diamalkan sama ada selaras dengan landasan syariat ataupun menyalahinya. Oleh yang demikian, makalah ini menjelaskan tentang makna perubatan ruqyah; amalan-amalan yang salah di dalam perubatan ruqyah; dan analisis cabaran-cabaran di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyah.

METODOLOGI

Fokus kajian terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama: perbincangan terhadap makna perubatan ruqyah. Kedua: perbincangan terhadap amalan-amalan yang salah di dalam perubatan ruqyah. Ketiga: menganalisis cabaran-cabaran di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyah. Reka bentuk kajian adalah kualitatif daripada jenis kajian kes. Persampelan kajian adalah daripada jenis bertujuan yang melibatkan empat perawat senior Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu. Instrumen pengumpulan data melibatkan analisis dokumen dan temu bual tidak berstruktur. Metode analisis data adalah secara historikal dan deskriptif (Phayilah Yama et. al., 2017).

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Makna Perubatan Ruqyah

Para responden adalah terdiri daripada perawat senior; dua lelaki dan dua perempuan, masing-masing dinamakan Perawat A, B, C dan D. Setiap perawat datang daripada latar belakang yang berbeza. Perawat A adalah seorang pegawai agama Islam sekaligus pengasas bersama Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu. Perawat B pula adalah seorang juruteknik telekomunikasi manakala Perawat C adalah seorang guru agama di sekolah rendah dan yang terakhir, Perawat D adalah seorang pekerja di sebuah syarikat di Bintulu.

Menurut pengalaman para responden, mereka awal-awalnya mengenali perubatan ruqyah sebagai "rawatan mengeluarkan jin". Hal ini kerana berdasarkan pemerhatian mereka, apabila ayat suci Al-Quran dibacakan kepada pesakit yang mengalami gangguan, maka individu tersebut akan bereaksi dengan bermacam-macam cara seperti menjerit, menangis, bersilat dan sebagainya sehinggalah jin yang merasuki keluar daripada tubuh pesakit dengan ketentuan Allah.

Rangkuman pendapat responden dapat ditemui dalam petikan berikut:

Peneliti	Apakah pengalaman kalian sepanjang terlibat dalam perubatan ruqyah syar'iyah?
Perawat A	Awal penglibatan saya di dalam perubatan ruqyah adalah sekitar tahun 2004. Pada masa itu saya masih menetap di Kuching dan sangat berminat terhadap perubatan tradisional. Maka, saya pun mempelajarilah beberapa kaedah perubatan tersebut untuk kegunaan sendiri. Kebetulan ada seorang bomoh yang memiliki ilmu

	<p>menghadirkan arwah. Dia mendakwa mampu berkomunikasi dengan roh para wali. Disebabkan hal itu, masyarakat mulai terpengaruh dengan kehebatannya. Namun, selepas kepulangan adik saya Sarawak selepas menamatkan tingkat ijazah sarjana muda di sebuah universiti Islam di Indonesia, beliau pulang dengan membawa ilmu perubatan Islam Ruqyah Syar'iyah. Itulah titik awal penglibatan saya di dalam perubatan ruqyah syar'iyah. Selepas memikirkan beberapa pertimbangan dan memohon restu daripada pihak tertentu maka kami pun berhasrat untuk menubuhkan sebuah pusat rawatan ruqyah yang berdaftar. Oleh kerana perkataan ruqyah masih asing dikalangan masyarakat, maka kami memperkenalkan perubatan ini dengan nama yang lebih mudah dikenal iaitu "Perubatan buang jin". (R.A, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat B	<p>Di peringkat awal saya terlibat dengan perubatan ruqyah syar'iyah adalah dengan niat untuk membantu keluarga. Pada masa itu, ada ahli keluarga yang terkena sakit misteri, kebetulan ada seorang kawan yang memperkenalkan perubatan Islam ruqyah. Setahu saya perubatan Islam ruqyah hanya ada di Darus Syifa' milik Tuan Guru Haron Din. Tapi kami cuba datang ke bangunan Martabat untuk mendapatkan rawatan. Saya pun tanyalah kepada salah seorang ustaz disitu, "Ini perubatan apa ustaz? Pakai bacaan ayat-ayat Al-Quran." Lalu ustaz itu menjawab, "Ini adalah perubatan untuk buang jin". Semenjak itu, saya mula menjadi ahli Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu. Selepas melalui proses menjadi perawat, barulah saya faham bahawa perubatan buang jin ini juga dikenal dengan istilah ruqyah syar'iyah. Banyak kebaikan yang saya perolehi semenjak menjadi ahli pusat rawatan diantaranya adalah saya lebih dekat kepada Al-Quran. (R.B, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat C	<p>Kalau saya pula terlibat secara tidak langsung dengan perubatan ruqyah kerana suami saya adalah pengasas sekaligus perawat di Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu. Awal-awal kemunculan perubatan ruqyah di Bintulu, masyarakat hanya mengenal ia sebagai "Perubatan buang jin". (R.C, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat D	<p>Saya terlibat dengan perubatan ruqyah ini pun disebabkan ada salah seorang saudara yang terkena gangguan jin. Maka, kami pun cuba mendapatkan rawatan di sini (Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu). Memang sangat berbeza dengan kaedah rawatan yang pernah saya lihat. Apa yang ada di Martabat ini, mereka hanya menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa Rasulullah Saw. Bila saya bertanya kepada salah seorang ustazah yang merawat tentang nama perubatan itu, beliau menjawab, "Perubatan buang jin". Selepas itu, saya pun mula tertarik untuk ikut lalu mendaftar sebagai ahli. Semenjak bersama dengan mereka, barulah saya faham bahawa kaedah perubatan ini namanya adalah ruqyah syar'iyah. (R.D, temubual, 14 September 2019)</p>

Jadual 1: Temubual 1

Amalan-Amalan Yang Salah Di Dalam Perubatan Ruqyah

Menurut pengalaman para responden terdapat beberapa amalan yang salah di dalam pengamalan perubatan ruqyah. Puncanya adalah pemahaman agama yang masih kurang dan sangat taksuf kepada perkara khurafat dan tahayul. Para responden dipetik berkata:

Perawat A	<p>"Semasa saya berada di Kuching, Sarawak ada seorang bomoh yang memiliki ilmu menghadirkan arwah. Ketika mengubat pesakit, bomoh tersebut akan melakukan ritual menyeru roh para wali agar masuk ke dalam tubuhnya. Dia mendakwa telah menyeru roh seorang wali yang bernama Hassan Al-Bana. Setelah itu barulah proses pengubatan bermula. Qadarullah, pada waktu itu saya sudah pun terlibat di dalam ruqyah syar'iyah. Saya sedar perbuatan sang bomoh sudah jauh menyimpang dan sebagai seorang muslim, saya bertanggungjawab untuk menyelamatkan akidah orang ramai. Akhirnya, saya berdebat dengan sang bomoh setelah dia mengatakan bahawa Hassan Al-Bana adalah seorang wali yang disebutkan namanya di dalam Al-Quran. Baru setelah itu, kebohongannya terbongkar dan orang ramai mulai menjauh daripadanya. (R.A, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat B	<p>Daripada pengalaman saya berkenaan amalan yang salah di dalam ruqyah, saya lebih memperhatikan soal bacaan dan kedah yang digunakan. Pernah sekali, kami dipanggil untuk meruqyah seorang pesakit di kampung. Kebetulan semasa sesi rawatan, ada seorang bomoh yang hadir. Dia tiba-tiba turut membantu merawat pesakit yang sudah parah kerasukan. Tetapi bacaan yang dia gunakan kurang jelas; diawalnya basmallah tetapi ditengahnya tidak kedengaran. Apakah jampi serapah ataupun ayat al-Quran. Lebih menghairankan lagi, sang bomoh memarahi kami kerana tidak membantu kononya ketika itu dia diserang oleh makhluk jin yang merasuki pesakit. (R.B, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat C	<p>Dalam Islam mana ada orang yang boleh menyeru roh orang yang sudah mati. Allah berfirman. قُلْ لَا يَعْلَمُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ "Katakanlah:"Tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah". [An-Naml : 65] (R.C, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat D	<p>"Saya pula pengalamannya lebih kurang sama. Pernah dulu itu, kami membawa mak cik saya untuk berubat kampung. Suami mak cik saya membawa dia berubat dengan seorang bomoh. Ketika sesi rawatan, bomoh tersebut membacakan sesuatu ke dalam air minuman. Di awalnya kedengaran dia membaca basmallah dan selawat tetapi dipertengahannya tidak jelas butir ayat yang dia lafazkan manakala dihujungnya terdengar seperti dia menyebut Alhamdulillah, atau amin... dan selawat". (R.D, temubual, 14 September 2019)</p>

Jadual 2: Temubual 2

Cabaran-Cabaran Di Dalam Mensosialisasikan Ruqyah Syar'iyah

Perkataan ruqyah lazim didengar oleh masyarakat tetapi mereka tidak lazim dengan kaedah yang digunakan. Hal inilah yang perlu difikirkan oleh Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu, apakah strategi terbaik untuk mensosialisasikan perubatan ruqyah kepada masyarakat. Sebelum mencanangkan idea-idea strategi yang dirasakan sesuai, perlulah dibuat analisa berkenaan cabaran-cabaran yang bakal ditempuhi. Para responden dipetik berkata:

Perawat A	<p>Berdasarkan pendapat saya, cabaran utama di dalam mensosialisasikan ruqyah syar'iyah adalah tingkat keimanan masyarakat terhadap keberkesanan ayat al-Quran sebagai media penyembuhan dan juga bertambahnya kumpulan-kumpulan ruqyah yang menggunakan kaedah yang berbeza-beza.</p> <p>Masyarakat di daerah ini membesar dengan bermacam tradisi dan khurafat terutamanya dalam soal perbomohan. Sebelum munculnya golongan agamawan yang memperkenalkan perubatan secara Islam, masyarakat terlebih dahulu terjebak dengan perubatan bomoh yang menyimpang. Rawatan dengan ayat al-Quran menjadi asing di dalam pendengaran mereka sebaliknya bacaan-bacaan mantera kesyirikan menjadi sesuatu yang biasa dan boleh diterima. Akibatnya, masyarakat kurang yakin terhadap kaedah penyembuhan al-Quran.</p> <p>Pertambahan kumpulan ruqyah juga ada pro dan kontra terutama dalam hal pendekatan dan kaedah. Walaupun ada dikalangan kumpulan tadi menamakan kaedah perubatan mereka sebagai ruqyah tetapi kalau pendekatannya berbeza akan menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Akhirnya timbullah persepsi bahawa ruqyah dan perbomohan adalah sama.</p> <p>(R.A, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat B	<p>Kalau saya, cabaran yang paling menonjol itu adalah daripada masalah internal terutama sikap anggota sendiri. Di awal penubuhan Pusat Rawatan Ruqyah Syar'iyah Bintulu, kami memiliki ahli lebih daripada 30 orang. Kemudian jumlah itu semakin berkurang disebabkan oleh perbezaan pendapat, salah faham, dan lain-lain hal yang sifatnya peribadi.</p> <p>(R.B, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat C	<p>Cabaran yang paling besar itu adalah dari kalangan orang Islam sendiri. Kaum tua misalnya mereka beranggapan bahawa ruqyah syar'iyah tidak ubah seperti ajaran baru yang perlu diwaspadai. Padahal, dalam masa yang sama mereka turut berpegang pada amalan khurafat tradisi nenek moyang. Oleh sebab itu, mereka takut kalau perubatan ruqyah syar'iyah akan menghapus amalan tradisi yang mereka pegang.</p> <p>(R.C, temubual, 14 September 2019)</p>
Perawat D	<p>Bagi saya, cabaran paling besar adalah daripada ahli keluarga sendiri. Saya akui semenjak terlibat dengan ruqyah syar'iyah banyak perubahan berlaku terhadap diri saya seperti lebih selesa mengenakan</p>

	<p>hijab yang lebar dan menutup aurat dengan sempurna. Hal itu membuatkan batin saya tenang namun perubahan yang berlaku pada diri saya itu mendapat tentangan daripada keluarga sendiri. Mereka beranggapan saya berubah gara-gara menjadi anggota perawat ruqyah syar'iyah. (R.D, temubual, 14 September 2019)</p>
--	--

Jadual 3: Temubual 3

PERBINCANGAN

Ruqyah Syar'iyah Daripada Perspektif Al-Quran dan As-Sunah

Definisi Ruqyah Syar'iyah

Ruqyah berasal daripada bahasa Arab dengan makna yang sangat luas. Lafaz "ruqyah" diambil daripada perkataan dasar: **ورقية, رُقِيًا, رَقِيًا, رَقَى-** (raqaa, raqyan, ruqiyyan wa ruqyatan). Secara etimologi ruqyah bermaksud *At-ta'awidz* (memohon perlindungan). Hans Wehr dalam bukunya "A Dictionary of Modern Written Arabic": Ruqyah bermaksud "*spell*". (Wehr, 1976) Di dalam Kamus Inggeris-Melayu Dewan: *Spell mean "words having magical power"*; mantera, jampi, serapah. (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.)

Para ulama memberikan beragam definisi ruqyah syar'iyah tetapi diantara definisi yang paling mewakili sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Alamah Syeikh Abul Aliyah Muhammad bin Yusuf Al-Jurani:

"Ruqyah iaitu do'a perlindungan (pencegahan) bagi orang yang sakit dengan membaca ayat-ayat al-Qur'an al-Karim, Nama-Nama Allah dan Sifat-Sifat-Nya, disamping do'a-do'a syar'i yang menggunakan bahasa arab –atau selain bahasa arab yang diketahui maknanya- lalu ditiupkan; untuk memelihara kesehatan, menolak bala dan mengangkat penyakit." (Yusuf Al-Jurani, 2007)

Definisi yang disebutkan oleh Al-Jurani hanyalah sebuah penentuan terhadap apa yang dibaca ketika melakukan ruqyah. Ada pun di dalam pengamalannya, seseorang perawat dibatasi oleh syarat-syarat tertentu yang membuktikan ke-*syar'i*-annya. Oleh sebab itu para ulama-samaada klasik mahupun kontemporer-telah banyak membahas mengenai ketentuan-ketentuan dan syarat ruqyah atau syarat bagi perawat agar sesuai Al-Quran dan As-Sunah. (Tambusai, 2013)

Syarat Bacaan

Gelaran "ustaz" atau "Tok guru" belum cukup menjadi syarat dalam amalan ruqyah. Hal ini kerana banyak perubatan yang bersifat mistik dan berbau perbomohan tetapi pengamalnya mengaku sebagai ustaz atau ketika dipanggil dengan sebutan "ustaz" dia tidak menolak, malahan suka. Ayat Al-Quran yang dibaca seorang ustaz kepada pesakitnya, belum dapat menjadi jaminan bahawa apa yang dilakukannya benar-benar sesuai syariat Islam. Pada masa kini, banyak pihak menjadikan Al-Quran sebagai "topeng" untuk menghalalkan amalan perbomohan yang dilakukannya. Ada yang menjadikan Al-Quran sebagai azimat yang dilekat, digantung atau dibuat baju kebal dan ada juga yang meyakini fadhilat surat atau ayat khusus bilamana dibaca pada bilangan tertentu dan waktu tertentu mampu mendatangkan makhluk yang mereka sebut sebagai "Khadam Ayat". Lebih parah lagi ada yang mengaku mampu mendatangkan malaikat sebagai pembantu ketika melakukan proses rawatan. Kesemua perbuatan ini bukanlah berdasarkan petunjuk Rasulullah Shallallahu 'alaihi

wa salam melainkan ianya datang daripada intuisi, bisikan, mimpi atau penafsiran bebas yang terkeluar daripada landasan ilmu. Amalan-amalan seperti ini merupakan sebahagian ciri-ciri perbomohan, apa pun panggilannya.

Demi untuk menyelamatkan masyarakat agar tertipu lagi, alangkah baiknya diterangkan mengenai syarat bacaan ruqyah yang syar'i. Sebagai sebuah terapi yang diamalkan dalam masyarakat muslim, secara tidak langsung ruqyah selalu berhubungan dengan hukum halal dan haram. Secara umumnya, ruqyah mestilah syar'i atau sesuai syariat. suatu ruqyah dinyatakan syar'iyah jika memenuhi tiga syarat:

Pertama, menggunakan Kalam Allah (al-Quran al-Karim), atau dengan nama-nama & sifat-Nya. *Kedua*, menggunakan (doa-doa) bahasa arab atau bahasa apa sahaja yang diketahui maknanya, tidak menggunakan lafaz-lafaz yang tidak diketahui, mantera yang samar dan jampi-jampi yang diucapkan para bomoh dan dajjal secara tersembunyi, yang diperangi oleh Allah Ta'ala. *Ketiga*, diyakini bahwa ruqyah tidak berpengaruh dengan sendirinya, tetapi atas izin Allah. Ruqyah dan orang yang membacanya (*al-raaqiy*) hanyalah sebab (wasilah syar'iyah yang mengupayakan kesembuhan daripada Allah). (Al-Asqalani, 1998)

Syarat Perawat

Seorang perawat yang ideal adalah individu yang mengerti selok-belok ruqyah itu sendiri dan perkara-perkara yang berkaitannya. Syeikh Wahid Abdussalam Bali mengatakan, "Hendaklah seorang perawat memiliki akidah seperti para *salafus soleh*-semoga Allah merahmati mereka. Akidah mereka adalah akidah yang bersih jernih dan putih berkilau." (Wahid Abdusaalam Bali, n.d.)

Syeikh Muhammad ash-Shayim menceritakan bahawa ada seorang lelaki datang kepada Nabi Musa `alaihissalam untuk mengadu penyakit kudis yang menjangkiti kedua tangannya. Nabi Musa lalu berdoa kepada Allah agar lelaki tersebut sembuh daripada penyakit yang dideritainya. Allah berpesan kepada Nabi Musa agar lelaki itu mengambil beberapa helai daun daripada pohon ara yang berada di depan rumahnya, lalu mengusapkan ke tangannya. Lelaki tersebut melakukan sebagaimana perintah Nabi Musa dan Allah pun memberi kesembuhan. Dua tahun kemudian, datang pula lelaki yang lain mengadu penyakit yang sama. Nabi Musa pun memerintahkan lelaki itu untuk melakukan hal yang sama; mengusapkan helaian daun ara ke tangannya, tetapi penyakitnya tidak sembuh bahkan bertambah parah. Nabi Musa bertanya kepada Allah tentang masalah itu, lalu Allah menjawab, "Wahai Musa, lelaki yang pertama itu sembuh disebabkan memang Kami yang menjadikan (air daun pohon itu) sebagai sebab kesembuhan. Sedangkan lelaki yang kedua pergi ke pohon tersebut tanpa bertawakal kepada Kami, sesungguhnya daun pohon itu tidak dapat menyembuhkan. Syeikh menjelaskan, "Daripada kisah ini kita tahu bahawa niat yang baik, tawakal, dan semata-mata memohon kesembuhan dari Allah, semua itu disertai dengan keimanan. Maka diantara perawat dan pesakit ada jalinan iman yang berhubung terus kepada kebesaran Allah. Keimanan seorang perawat bahawa Allah yang Maha Menyembuhkan dan keimanan pesakit bahawa Al-Quran mengandungi kesembuhan dengan izin Allah. Tanpa semua itu, kesembuhan tidak akan sempurna." (Muhammad Ash-Shayim, n.d.)

Seorang perawat mestilah orang yang memiliki ilmu syar'i. Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani di dalam *Fath al-Bari* (Jil.1, ms 201) menukil perkataan Ibnul Munir, "Ilmu adalah syarat sahnya ucapan dan perbuatan. Ucapan dan perbuatan tidak akan bererti

kecuali dengan ilmu. Ilmu lebih didahulukan daripada keduanya kerana ilmu akan meluruskan niat dan membenarkan amal." (Al-Asqalani, 1998)

Di dalam kehidupan sehari-hari, seorang perawat haruslah menjaga akhlaknya dan tidak sombong serta takabur. Syeikh Muhammad Al-Jurani di dalam *Ar-Ruqyah* (ms 132) mengatakan, "Seorang perawat seharusnya berhias dengan akhlak mulia diantaranya adalah jujur, tawadhu', pemaaf, amanah, sabar, lemah lembut, bersahabat, selalu mengingatkan, menepati janji dan menjaga rahsia pesakitnya. (Yusuf Al-Jurani, 2007)

Ruqyah syar'iyah adalah wasilah dakwah maka seorang perawat haruslah memiliki bekal yang cukup untuk menyampaikan dakwahnya melalui ruqyah. Syeikh Al-Jurani (ms. 144) menyebut, "Apabila seorang perawat mempunyai semangat dakwah, nescaya Allah akan memberikan kemudahan baginya. Dia akan merasakan pertolongan Allah dengan banyaknya jin masuk Islam. Setelah itu mereka patuh kepada Allah dan terjadilah kesembuhan. Inilah yang kita inginkan." (Yusuf Al-Jurani, 2007)

Ustaz Musdar di dalam kitab *Halal Haram Ruqyah* (ms.24) menyebutkan seorang perawat haruslah Qari dalam erti kata mampu membaca al-Quran sesuai tajwidnya. (Tambusai, 2013)

Syarat Pendukung

Syarat yang menyokong kelancaran proses ruqyah syar'iyah ditentukan banyak hal. *Pertama*, tempat pelaksanaan sesi rawatan haruslah kondusif dan suci daripada najis. Imam Nawawi mengatakan, "Dan disunahkan membaca al-Quran di tempat yang bersih dan terpilih." (Imam Nawawi, n.d.)

Kedua, seorang perawat juga dianjurkan untuk menikah kerana lebih menjaga hati dan menghindarkan diri daripada fitnah. Dalam sebuah hadis dikatakan, "Wahai para pemuda, siapa pun diantara kamu yang memiliki kemampuan, hendaklah dia menikah, kerana itu lebih menjaga pandangan dan menjaga kemaluan. Barangsiapa belum mampu, hendaklah berpuasa kerana itu perisai baginya." (HR. Bukhari & Muslim)

Ketiga, seorang perawat tidak boleh gopoh dalam mendiagnosa dan memberikan kesimpulan pada pesakit. Ustaz Bustamam mengingatkan bahawa memvonis seseorang dengan gangguan jin padahal tidak ada, sangat mempengaruhi psikologi dan emosi mereka sehingga pesakit tersebut merasa sangat bergantung kepada ruqyah dan menghindari cara perubatan yang lain yang mungkin lebih sesuai untuknya. Pembacaan ayat-ayat ruqyah kepada pesakit adalah awal pengesanan, apakah wujud gangguan atau tidak. Selesai ruqyah dibacakan, di sinilah kebijaksanaan perawat diuji untuk menarik suatu kesimpulan. (Tambusai, ms.27, 2013)

Keempat, seorang perawat harus memahami bahawa apa yang dilakukannya adalah sebahagian daripada sistem *Thibbun Nabawi* (Perubatan Nabi). Oleh sebab itu, perawat harus menambah wawasan perubatan yang lain seperti bekam, herba dan segala bentuk perubatan lain yang bersih daripada syirik, bid'ah, khurafat dan benda-benda haram. (Tambusai, ms.27)

Kelima, perawat sebaiknya mendalami ilmu psikologi klinis kerana lebih berfokus dalam mempelajari orang-orang abnormal atau subnormal. Psikologi klinis adalah sebuah bidang yang berfokus pada kajian, diagnosa dan penyembuhan masalah melibatkan kejiwaan. (Slamet, Suprpti & Markam, 2006) Tidak semua keluhan yang disampaikan pesakit benar-benar gangguan jin atau sihir. Berkemungkinan dia mengalami tekanan jiwa dan penyakit mental sehingga menimbulkan prilaku yang abnormal.

Ruqyah Syirkiyyah dan Ciri-Cirinya

Ruqyah Syirkiyyah adalah mantera, jampi-jampi atau doa-doa yang mengandung unsur kemusyrikan dan diharamkan oleh syariat. Ruqyah syirkiyyah ini pastinya mengundang jin dan syaitan sebagai pembantu. Orang yang melakukannya akan mendapat laknat Allah serta dijauhkan daripada rahmat-Nya. (Abdul Wahab, 2005)

Individu yang menjalankan amali ruqyah syirkiyyah disebut bomoh atau dukun dan sejenisnya. Mereka mengaku mampu mengetahui perkara-perkara ghaib. Di dalam bahasa arab, perbomohan disebut dengan istilah *al-Kahanah* atau *al-'Irafah* yang bermaksud:

ادعاء علم الغيب

Pengakuan terhadap ilmu ghaib

Dr Yusuf al-Qardhawi menukil perkataan Imam al-Khattabi, "Bomoh-bomoh itu adalah orang-orang yang memiliki fikiran tajam, jiwa yang jahat serta perwatakan yang panas sehingga syaitan pun bersahabat dengan mereka disebabkan persamaan itu." (Al-Qardhawi, 1995) Secara dasarnya perbomohan adalah dilarang sekiranya bertentangan dengan akidah dan syariat Islam. (Bahagian Penyelidikan, 2008)

Apa-apa bentuk amalan yang salah di dalam ruqyah tetap menjadi sebahagian daripada ruqyah syar'iyah yang berdampak kepada dosa besar dan pelanggaran syari'at Islam. Sebagai contoh, bomoh yang mempunyai ilmu menghadirkan arwah (*Tahdirul arwah*). Fenomena ini sudah bertapak sangat lama dalam dunia mistik nusantara. Akulturasi pengaruh ajaran hindu ke dalam amalan Islam menjadikan *tahdirul arwah* seakan-akan sebahagian daripada ajaran agama ini.

Ustaz Malik Faisal di dalam *Jampi Jelmaan Al-Quran dan Hadis* (Abdul Wahab, 2010) menukil pendapat Prof. Dr. Musa Fathullah Harun, "Dalam menanggapi masalah tahdirul arwah, ada beberapa perkara yang menjadi asas pegangan ajaran Islam diantaranya:

- Roh orang yang mati tidak akan kembalike dunia kerana mereka sedang sibuk dengan perhitungan amalan di hadapan Allah. Manusia tidak mampu mengatasi kekuasaan Allah dan sesuka hati memanggil mereka.
- Wujud kerjasama antara manusia dan jin dalam ilmu sihir. Tidak mustahil jin dan syaitan yang datang akan mengaku sebagai roh orang yang mati.
- Sekiranya roh orang yang mati tadi masuk ke dalam badan bomoh atau perantara yang lain, apakah ia kekal di situ ataupun berpindah-pindah? Kerana selayaknya roh tersebut masuk kembali ke jasadnya yang asal dan bukannya jasad orang lain.

Kita berlindung kepada Allah Ta'ala dari keyakinan batil seperti ini, kerana sangat jelas bertentangan dengan ayat Al-Qur'an. Allah Ta'ala berfirman,

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ
وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

"Allah memegang jiwa (orang) ketika matinya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati di waktu tidurnya. Maka Dia menahan jiwa (orang) yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang ditetapkan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir." (QS. Az-Zumar [39]: 42)

Maka roh yang telah Allah Ta'ala tetapkan kematiannya, akan ditahan di kehidupannya di alam kubur sampai datangnya hari kiamat. Berdasarkan ayat di atas, maka roh orang yang sudah meninggal dunia tetap berada di alam kubur, sampai datangnya hari kiamat. Lalu bagaimana mungkin di sana ada bomoh yang mengaku boleh

mendatangkan arwah-arwah tersebut, padahal mereka di dalam genggamannya Allah Ta'ala di alam barzakh?


Sosialisasi Ruqyah Syar'iyah dan Gagasannya

Salah satu bentuk sosialisasi yang paling awal adalah melalui ruqyah massal (*ruqyah al-jama'iyah*). Orang banyak dikumpulkan di sebuah gedung untuk dilakukan ruqyah secara bersamaan. Dalam konteks Malaysia, ruqyah massal dapat diklasifikasikan sebagai wasilah sosialisasi dan kemudahan proses pengesanan awal gangguan dalam badan manusia.

Sosialisasi yang berikutnya adalah dalam bentuk memperkasakan pentadbiran dan pengurusan pusat rawatan Islam. Salah satunya adalah berdasarkan cadangan daripada Responden A, beliau telah mengadakan sistem kad identity (*ID card*) bagi semua anggota Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu. Menurut beliau, kaedah ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan penipuan atas nama pusat ruqyah. Sosialisasi yang lain adalah melalui pendedahan di berbagai media berkenaan ilmu rawatan Islam ruqyah syar'iyah. Penulisan di media sosial, penerbitan bahan-bahan bacaan ataupun pembuatan video berkenaan ruqyah syar'iyah diharapkan mampu sampai kepada masyarakat. Menghilangkan keraguan terhadap perubatan ruqyah yang sya'i disamping mampu menyemai benih-benih dakwah tauhid ke dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Analisis merumuskan ruqyah merupakan kaedah asas perubatan Islam yang diamalkan di Pusat Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyah Bintulu. Responden menggunakan bacaan bersumberkan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang diriwayatkan dalam hadis Nabi Shallallahu 'alaihi wa salam. Analisis turut merumuskan diantara amalan salah dalam ruqyah adalah ritual *Tahdirul arwah* dan juga percampuran bacaan di dalam rawatan dimana bomoh menggabungkan ayat-ayat suci al-Quran dengan jampi serapah yang tidak difahami. Analisis juga merumuskan bahawa Ada tiga bentuk sosialisasi yang boleh dimanfaatkan untuk memperkenalkan ruqyah syar'iyah ke dalam masyarakat. Berikut adalah bentuk modelnya:



Rajah 1.1 Model Sosialisasi Ruqyah Syar'iyah Di Bintulu

RUJUKAN

- Abdul Wahab, M. F. (2005). *Ruqyah Syar'iyah: Sebuah Rawatan Islam Terhadap Gangguan Sihir dan Jin*. Johor: Kersani Training Center.
- Abdul Wahab, M. F. (2010). *Jampi Jelmaan Al-Quran dan Hadis* (Z. Zabidi, Ed.). Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Al-Asqalani, I. H. (1998). *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari*. Kairo: Dar al-Hadits.
- Al-Qardhawi, Y. (1995). *Mauqif Al-Islam min Al-Ilham wa Al-Kasyf wa Ar-Ru'a wa Min At-Tama'im wa Al-Kahanah wa Ar-Ruqa*. Kairo: Maktabah Wahbah.
- Bahagian Penyelidikan, J. (2008). *Garis panduan perbomohan menurut islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Kamus Inggeris-Melayu Dewan. Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my>
- Imam Nawawi. (n.d.). *At-Tibyan di Adab Hamalah Al-Quran*. Jakarta: Dinamika Berkah Utama.
- Muhammad Ash-Shayim. (n.d.). *Al-Munqidz Al-Quran li Ibthal As-Sihr wa Ilaj Al-Mass Asy-Syaithani*. Kairo: Dar al-Fadhilah.
- Slamet, Suprpti & Markam, S. (2006). *Pengantar Psikologi Klinis*. Jakarta: UI Press.
- Tambusai, M. B. (2013). *Halal Haram Ruqyah*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Wahid Abdusaalam Bali. (n.d.). *Wiqayah al-Insan min al-Jinn wa asy-Syaithan*. Kairo: Dar al-Basyir.
- Wehr, H. (1976). *A Dictionary of Modern Written Arabic* (Third Edit; J. M. Cowan, Ed.). New York: Spoken Language Services, Inc.
- Yusuf Al-Jurani, M. (2007). *Ar-Ruqyah asy-Syar'iyah min Al-Kitab wa As-Sunnah*. Jordan: Dar an-Nafaa'is.